

## KEMAS, Yayasan Pahang perkasa pendidikan al-Quran

- Oleh Salehuddin Mat Rasad
- 6 Disember 2023, 1:45 am



NUR YASMEEN AISYAH Md. Supian menjalankan pedagogi pratahfiz di TABIKA KEMAS Kem 25 RAMD di Bentong, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

BENTONG: Program TABIKA KEMAS Pra Tahfiz di 33 TABIKA Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) negeri Pahang termasuk tiga di daerah ini merupakan pendekatan positif dalam memperkasa pendidikan al-Quran kepada kanak-kanak.

Program itu mengguna pakai modul hafazan yang digunakan Tadika Tahfiz Negeri Pahang (TTNP) di bawah kelolaan Yayasan Pahang.

Di Bentong terdapat tiga TABIKA Pra Tahfiz iaitu TABIKA KEMAS Kem 25 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), TABIKA KEMAS Felda Kemahal dan TABIKA KEMAS Kampung Tanjung, Karak.

Ibu bapa yang ditemui berpendapat program pratahfiz ini akan memberi pendedahan awal kepada anak-anak berusia empat hingga enam tahun hafazan al-Quran bagi surah-surah Juzu' Amma dan surah pilihan.



**ANTARA aktiviti kanak-kanak di Tabika Kemas Kem 25 RAMD.**

Seorang ibu, Siti Normah Shafie, 34, bersyukur TABIKA KEMAS menyediakan kelas itu kerana mereka mendapat nilai tambah selepas mengikuti kelas kurikulum biasa.

Menurutnya, anak sulungnya, Adzra Aisyah Muhamad Ridhuan, 5, yang sebelum ini agak malu belajar al-Quran atas factor usia sudah menunjukkan perkembangan positif terhadap pembelajaran al-Quran.

“Dia kini boleh menghafal beberapa ayat lazim dan doa harian dengan fasih walaupun tempoh pembelajaran baru tiga bulan. Malah dia bersemangat

belajar di luar,” katanya ketika ditemui di TABIKA KEMAS Kem 25 RAMD di sini.

Siti Normah yang merupakan Pembantu Tadbir Kewangan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Repas itu menyifatkan program rintis di TABIKA KEMAS berjaya merangsang kanak-kanak belajar al-Quran hasil modul dan pembelajaran melalui teknik permainan.

Beliau yakin dalam tempoh dua tahun di TABIKA KEMAS kanak-kanak yang mengikut program ini dapat menguasai pembelajaran al-Quran dengan lancar sebelum masuk ke darjah satu.

Seorang bapa, Mohd. Fahmi Abu Hasan, 35, pula berkata, program TABIKA Pra Tahfiz memberi kelegaan kepada ibu bapa yang bekerja dan sering mengejar masa menunaikan tanggungjawab mencari rezeki.

“Program pratahfiz di TABIKA KEMAS secara langsung dapat mendedahkan ilmu asas al-Quran kepada kanak-kanak melalui pedagogi yang sesuai dengan ilmu kanak-kanak,” katanya.

Beliau mengakui anak keduanya, Siti Athia Raqilla, 5, semakin yakin menghafal surah lazim dan doa harian hasil pembelajaran diperoleh di TABIKA KEMAS Kem 25 RAMD.

“Cara dan kebijaksanaan cikgu mengaplikasikan modul Yayasan Pahang Berjaya menarik minat kanak-kanak sekali gus membentuk keyakinan diri, berani mencuba dan melafazkan ayat al-Quran.

“Saya menyokong supaya program pratahfiz diperluaskan ke semua TABIKA di negeri ini kerana terbukti membentuk rasa ingin tahu belajar al-Quran pada usia lebih awal,” katanya.

Sementara itu, Guru TABIKA KEMAS Kem 25 RAMD, Nur Yasmeen Aisyah Md. Supian, 28, berkata, seramai 16 kanak-kanak di situ menunjukkan perkembangan positif menerima pembelajaran al-Quran.

Menurutnya, pedagogi daripada modul yang disediakan Yayasan Pahang sesuai dengan usia kanak-kanak prasekolah antara empat hingga enam tahun.

“Kanak-kanak ternyata lebih berani, berdisiplin dan mudah mengikut langkah demi langkah pembelajaran yang membolehkan mereka menghafal ayat lazim dalam tempoh tertentu.

“Saya gembira kerana dipilih menjadi guru perintis program pratahfiz ini kerana dapat menyumbang usaha celik al-Quran dalam kalangan generasi baharu Islam,” katanya. – UTUSAN